

KEFAHAMAN TERHADAP ASPEK PENDEFINISIAN DAN CIRI UTAMA GOLONGAN HOMOSEKSUAL

(Understanding the definition and specific characteristics of homosexuals)

Amran Hassan & Salleh Amat

ABSTRAK

Homoseksual merupakan gaya hidup yang menjadi pengamalan dalam masyarakat dunia dan Malaysia. Pembudayaan ini jelas melalui peranan media massa dan kesan globalisasi budaya yang sedikit sebanyak membuka ruang pengamalan kehidupan sebegini. Namun, pelbagai pandangan dan persepsi yang telah diberikan oleh masyarakat dalam membuat penilaian terhadap budaya hidup golongan homoseksual. Objektif kajian ini ialah untuk meninjau secara umum kefahaman golongan profesional terhadap penndefinisian homoseksual dan ciri-ciri khusus golongan ini di Malaysia berasaskan pemerhatian, pengalaman dan pandangan mereka. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif melalui temubual mendalam ke atas lapan (8) orang responden yang dipilih secara persampelan purposif. Mereka adalah golongan profesional sama ada kerajaan atau swasta yang sebahagiannya pernah terlibat mengendalikan kes-kes homoseksual melalui pengalaman dengan orang yang terdekat dengan mereka, dan berkawan rapat dengan golongan ini dalam kehidupan seharian. Kawasan kajian ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Selangor Darul Ehsan. Hasil kajian dianalisis secara kandungan (*content analysis*) dengan mengemukakan kalimat sebenar responden. Keputusan menunjukkan golongan profesional memahami penndefinisian dan ciri-ciri homoseksualiti sebagai golongan yang menyukai sesama jenis, dan telah mengemukakan aspek-aspek khusus dalam keadaan fizikal dan psikologi seseorang yang homoseksual. Kajian ini menyumbang kepada pengkayaan pengetahuan terhadap perbincangan isu homoseksual dan menjadi panduan kepada usaha-usaha pencegahan dan rawatan, di samping menjadi panduan kepada penyelidikan gender pada masa akan datang.

Kata kunci: Gaya hidup, homoseksual, kefahaman, golongan profesional, Malaysia

ABSTRACT

Homosexuality as a lifestyle has become practice in Malaysian society as well as in other societies of the world. This lifestyle has become prominent due to the role of mass media, and also the cultural globalization, which increase the chances for people to expose and experience this way of life. Nevertheless, there are differences in opinion and perception given by the society towards evaluating the lifestyle adopted by homosexuals. The objective of this paper is to explore the understanding of Malaysian professionals on the definition of homosexual, and also the specific characteristics of Malaysian homosexuals

based on the professionals' observation, experience and view towards this group. This study facilitates qualitative research design using in-depth interviews on eight (8) professional respondents, which are chosen using purposive sampling. They are professionals that serve for the governmental and non-governmental bodies, and have experience in dealing with homosexual cases in their daily life, of which some are their closest friends and family members. The study sites are Kuala Lumpur Federal Territory, Putrajaya Federal Territory and Selangor Darul Ehsan. The results, which are analyzed using content analysis that involve providing respondents verbatim words, show the respondents' understanding on the definition and characteristics of homosexuality, as well as being able to describe the physical and psychological aspects of a homosexual. This study contributes to the enrichment of knowledge on homosexual issues, making it a guide for efforts towards prevention and treatment as well as a guide for future gender research.

Key words: lifestyle, homosexual, understanding, professional group, Malaysia

PENGENALAN

Globalisasi yang melanda masyarakat dunia hari ini memberikan pelbagai kesan ke atas sosial, politik dan ekonomi. Kesan utama dalam kehidupan sosial masa kini ialah pembudayaan dan gaya hidup homoseksual. Homoseksual merupakan satu cara hidup sejenis yang menyukai antara satu sama lain dalam pergaulan, corak hidup, dan unsur-unsur seksualiti sejenis (Syarifah Rohaniah, 2011). Cara hidup ini dikatakan sebagai cara hidup berarah kepada orientasi sesama jenis dan perasaan ingin hidup bersama sesama jantina untuk jangka masa panjang. Namun, corak dan gaya hidup sebegini mencetuskan pelbagai kontroversi dalam masyarakat dunia dan Malaysia kerana mendatangkan pelbagai penyakit yang tidak diingini (McBee & Rogers, 1994).

Kewujudan budaya homoseksual terutama di dunia dan Malaysia banyak dikaitkan dengan keadaan sosial dan peranan media massa. Kedua-dua peranan ini memberikan tamparan hebat ke atas pembudayaan kehidupan sebegini berasaskan kepada penilaian individu terhadap dirinya yang tersendiri. Ada yang merasakan kehidupan sebegini wajar diteruskan, dan ada juga yang menolak seratus peratus kerana bertentangan dengan nilai dan moral masyarakat (Muhamad Zafeeruddin, 2004). Pelbagai persoalan timbul bahawa kepuasan hidup sebegini telah mengeneipkan elemen perkahwinan sebagai unsur utama pemenuhan tuntutan naluri seseorang manusia yang normal (Zulkifli, 2010). Kenormalan seseorang manusia pula banyak dikaitkan dengan nilai dan ajaran agama yang menjurus ke arah kebaikan. Azizi dan Jamaludin (2007) mengaitkan kehidupan ini sebagai keabnormalan tingkah laku yang menyeleweng, terpesong daripada keadaan kebiasaan dan ketidakfungsian psikologi, serta dikategorikan sebagai mereka yang berpenyakit mental (*mental illness*) (Nor Azlina et al., 2011).

Pengamalan cara hidup homoseksual banyak dipengaruhi oleh dalaman seseorang individu dan juga persekitaran. Semua ini dapat dilihat dalam aspek psikologi khususnya untuk meneroka bagaimana pendefinisian yang ditakrifkan oleh masyarakat dan

bagaimanakah ciri-ciri khusus yang diberikan dalam melihat isu ini dengan lebih spesifik. Rentetan daripada apa yang berlaku di Malaysia terhadap isu Seksualiti Merdeka 2011, banyak pihak kurang senang dengan perhimpunan dan persidangan yang ingin dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dalam mempertahankan budaya hidup lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) (Harian Metro, 22 November 2011). Pihak keselamatan telah mengharamkan semua program berkenaan isu ini termasuk Perhimpunan Seks Bebas dari 4 November hingga 13 November 2011 yang berarah kepada gaya hidup songsang, demi menjaga nama baik negara Malaysia sebuah negara Islam (Harian Metro, 22 November 2011).

Oleh itu, kajian secara kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tentang pendefinisian dan ciri-ciri khusus sama ada fizikal atau psikologi, terhadap golongan homoseksual ini berasaskan persepsi golongan profesional secara umum. Kajian ini khusus untuk melihat tinjauan umum golongan profesional terhadap golongan homoseksual dari segi aspek pendefinisian dan ciri-ciri khusus golongan ini secara fizikal dan psikologi.

GAMBARAN UMUM GOLONGAN HOMOSEKSUAL

Pelbagai faktor dikaitkan dengan kewujudan golongan homoseksual ini di serata dunia sama ada melibatkan kekeluargaan, keadaan psikologi individu secara naluri, genetik dan biologi, termasuklah ruang budaya internet dalam masyarakat (Friedman, 1998). Sesuatu kajian yang tidak menjelaskan secara empirikal (kukuh) dan hanya disebabkan oleh pengutaraan media dalam memperbesarkan isu bahawa golongan homoseksual berkembang dengan berleluasa boleh dikaji secara lebih spesifik. Keadaan secara psikologi yang berfungsi dengan pembentukan perkembangan dalaman menjadi satu elemen yang sangat penting untuk melihat kewujudan golongan ini secara hakiki. Berlainan dengan Gooren (1993) (dlm Syarifah Rohaniah, 2011) menjelaskan tentang perkembangan otak mereka yang terkategori dalam kecelaruan identiti jantina ini berbeza dengan lelaki normal kerana saiznya lebih kecil. Namun, kajian ini masih samar dan dalam proses pencarian satu jawapan yang kukuh melalui kajian-kajian pada masa akan datang kerana kajian sebegini kurang dijalankan oleh pakar kesihatan.

Sama juga isunya jika dilihat dalam aspek kekeluargaan iaitu anak-anak yang menjadi heteroseksual dan homoseksual mengalami satu perkembangan yang berbeza antara satu sama lain. Ini kerana anak-anak yang hidup dalam kalangan homoseksual mengalami kebimbangan, kesukaran dan kekurangan dalam aspek rol model oleh bapa dalam sesebuah keluarga (Friedman, 1998). Malah, Acton (2010) menyatakan bahawa tiada seorang anak pun yang mahu dilahirkan sedemikian rupa dan keadaan ini bukanlah satu pilihan dalam hidup mereka. Roseliza Murni (2003) pula menjelaskan bahawa kecelaruan identiti jantina ini dikaitkan dengan teori psikodinamik dan teori pembelajaran yang berkemungkinan besar dipengaruhi oleh keadaan psikologikal dan keluarga serta kecenderungan biologi yang sedikit sebanyak menyumbang kepada keadaan sebegini. Justeru, identiti yang celaru ini menjadi penyebab kepada kejadian homoseksual sehingga

ramai yang melihat lelaki lembut lazimnya terjebak dengan gejala negatif homoseksual (Syarifah Munirah, 2008). Hakikatnya, lelaki lembut tidak semestinya homoseksual, manakala homoseksual tidak semestinya lelaki lembut (Amran et al. 2011). Persoalan ini difokuskan kepada isu tentang golongan ini yang terbahagi kepada dua aspek iaitu yang bermasalah dan kronik bermasalah (Syarifah Rohaniah, 2011).

Malah, terdapat juga kajian yang menjelaskan kebanyakan mereka yang transeksual dan dikategorikan sebagai homoseksual ialah kerana keadaan mereka yang berumur dalam lingkungan umur 11 hingga 15 tahun pernah terjebak dengan hubungan sebegini (Teh, 2001). Sejak dari kecil sudah menyukai kaum lelaki sesama jenis dan melakukan hubungan seksual sesama mereka hasil percintaan dengan seseorang yang sangat disayangi selama ini. Penyangkalan percintaan sesama jenis ini adalah asas untuk memperjelaskan mustahil seseorang lelaki akan mencintai sesama jenis untuk jangka masa yang lama (Meriam, 2000). Inilah yang akan melebarkan lagi hubungan mereka sehinggalah suatu ketika berlaku sesuatu yang tidak diingini seperti putus cinta dan terpaksa berpisah. Perpisahan ini mengundang kepada isu mengambil nyawa sendiri atau terlibat sebagai pekerja seks akibat kekecewaan yang amat sangat di atas apa yang disangkakan selama ini akan berkekalan.

Terdapat juga kes-kes terpencil iaitu akibat kekecewaan yang mendalam dalam percintaan dengan kekasih yang merupakan seorang perempuan membawa kepada peralihan kesukaan sesama jantina, sehingga budaya itu dijadikan panduan kehidupan peribadinya (Syarifah Rohaniah, 2011). Namun, keadaan ini bukanlah melibatkan peratusan yang tinggi dan tidak sebagaimana penderaan seksual atau faktor budaya internet dan rakan sebaya yang menyokong mengukuhkan kehidupan sebegini pada masa seterusnya. Hughes (2006) menjelaskan bahawa sebanyak 28% mereka yang homoseksual terdedah kepada penderaan seksual masa kecil dan keadaan ini mempengaruhi orientasi seksual untuk menyukai sesama jantina. Pengaruh penderaan seksual itu menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menerima apa yang dilakukan oleh dirinya sehingga mempengaruhi gaya hidup apabila sudah dewasa (Amran & Suriati, 2013). Gaya hidup menyukai sesama jantina dijadikan asas kehidupan dalam pencarian teman hidup dari kalangan kaumnya sendiri. Kesannya, wujudlah gaya hidup sedemikian rupa dengan berbekalkan pengalaman penderaan seksual semasa kecil dulu dan dijadikan amalan kehidupan walaupun diketahui bahawa budaya itu adalah bertentangan dengan ajaran Islam (Amran et al., 2011).

Dalam psikologi seseorang yang homoseksual, mereka merasakan yang mereka terperangkap dalam diri yang tidak sepatutnya mereka diami. Keadaan ini hampir sama dengan golongan transeksual yang menyatakan mereka terperangkap dalam diri yang salah dari segi orientasi seksual (Wan Azmi, 1991). Cuma, keadaan psikologi dalaman jiwa yang berarah kepada kesukaan sesama jenis sama ada untuk menjalinkan percintaan dan hubungan seks. Mereka merasakan tuntutan dalaman diri mereka hanya boleh dipenuhi oleh sesama jantina dan salah seorang akan memainkan peranan sebagai lelaki (*top*), manakala seorang lagi akan memainkan peranan sebagai perempuan (*bottom*) (Amran & Suriati, 2013). Keadaan ini berlaku kerana pelbagai elemen pencetus dalaman mereka yang mungkin menjadi satu pelaziman (Hughes, 2006), sejak dari kecil oleh

mereka yang signifikan seperti ibu bapa, rakan sebaya, dan saudara mara yang terdedah dengan perkara sebegini. Golongan homoseksual ini merasakan mereka dilahirkan secara psikologi sebegini dan tertarik untuk disentuh, dipeluk, dan ditegur sapa oleh golongan lelaki yang selalu berkunjung ke rumahnya semasa kecil (Nor Mazlina et al., 2011). Ini mengukuhkan kenyataan bahawa terdapat golongan sesama jenis menyayangi mereka sehingga melahirkan perasaan suka dan cinta sesama jantina secara tidak langsung berasaskan kepada tuntutan emosi tersebut.

Penjelasan kepada punca kejadian homoseksual ini dijelaskan oleh Storms (1980) yang mengaitkan keadaan golongan homoseksual dengan Teori Orientasi Seksual yang berarah kepada sesama jantina dalam memenuhi kepuasan hidup. Malah, semua ini merujuk kepada individu yang sukar diubah dan membuat satu kesimpulan bahawa mereka memilih untuk hidup sesama jantina berasaskan satu perkahwinan yang dipersetujui antara kedua pihak. Pilihan itu di tangan mereka sama ada untuk meneruskan keadaan ini atau kembali kepada kejadian asal. Namun, kesemua ini melibatkan data-data yang diperolehi secara induktif dan diterjemahkan dalam bentuk kajian yang meluas. Mengikut APA (2002), perasaan mereka mengetahui akan diri mereka sebagai 'gay' mungkin sudah lama hasil tarikan sesama jantina, cuma tidak didedahkan sahaja. Berbeza dengan sesetengah mereka yang hanya mengetahui setelah mereka menjalinkan hubungan sesama jantina dan di situlah mereka sedar bahawa mereka adalah golongan homoseksual.

Bersandarkan kepada elemen kejadian golongan homoseksual ini, terdapat beberapa jenis pengkategorian yang sesuai boleh diketengahkan. Ekins (1997) mengaitkan keadaan ini dari sudut transeksual dan meletakkan 3 aspek pengkategorian iaitu '*body femaling*' '*erotic femaling*' dan '*gendre femaling*'. Namun, aspek '*body femaling*' dan '*gendre femaling*' lebih berasaskan kepada golongan transeksual. Cuma, yang berkaitan dengan homoseksual ialah dari segi '*erotic femaling*' kerana mereka mahu dilayan sebagai seorang wanita dari segi seksualiti. Inilah yang dikatakan sebagai golongan homoseksual kerana pemfokusan berasaskan kepada seksualiti dan intimasi. Sebab itu terdapat banyak pandangan bahawa golongan transeksual tidak semestinya homoseksual, dan golongan homoseksual boleh diambil kira kepada sesiapa sahaja (Amran et al., 2011). Dalam ajaran Islam, pengkategorian ini bersandarkan kepada dua kriteria utama iaitu pelaku (pemberi) dan penadah (penerima) (Muhammad Zafeeruddin, 2004). Ini dijelaskan oleh Rasulullah bahawa pelakuan ini berkaitan dengan unsur kejahatan dan melebihi zina serta wajar dihukum bunuh sama ada mereka yang sudah berkahwin atau belum.

Kesimpulannya, gambaran umum tentang homoseksual ini merupakan asas penjelasan untuk mengenali mereka dari aspek yang akan membawa haluan kepada kajian ini. Penilaian hendaklah berasaskan kefahaman masyarakat terhadap isu ini secara psikologi dan psikososial yang lebih menyeluruh terutama melihat kepada elemen pendefinisian homoseksual dan ciri-ciri khusus yang diberikan oleh golongan profesional dalam membuat penilaian isu ini.

TEORI ORIENTASI SEKSUAL

Banyak pandangan yang diutarakan dalam penjelasan tentang orientasi seksual seseorang manusia berasaskan kajian-kajian yang telah dijalankan. Namun, Teori Orientasi Seksual mengetengahkan pegangan dalam memahami beberapa golongan seperti heteroseksual, homoseksual, biseksual dan transeksual (Storms, 1980). Mereka ini mempunyai karakter-karakter yang tersendiri dalam memahami isu-isu seksualiti berasaskan kepada kefahaman dan juga tarikan sama ada kepada sesama jantina atau berlawanan jantina. Freud pada tahun 1922 dan 1959 menyatakan bahawa permasalahan yang tidak selesai dalam peringkat '*Kompleks Oedipus*' antara anak lelaki dengan ibunya akan menghasilkan anak yang tidak dapat menyatakan kefungsiannya orientasi seksual sebenar berasaskan organ seks, dan menjadikan dirinya sebagaimana ibunya (Storms, 1980).

Storms (1980) memperjelaskan bahawa homoseksual terbahagi kepada dua kategori iaitu lelaki yang lemah kekelakiannya dan tertarik dengan kekelakian orang lain, serta seorang lelaki yang kuat kekelakiannya dan ingin menyifatkan identitinya lebih dengan lelaki lain. Dalam pada itu, lelaki yang homoseksual sebenarnya lebih ekstrim sama ada tinggi dan rendah dari segi kekelakiannya berbanding lelaki heteroseksual. Justeru, berikut adalah rumusan yang dijelaskan dalam teori ini sebagai asas kefahaman golongan homoseksual iaitu (Storms, 1980) ;

- i) Lelaki homoseksual akan menunjukkan rendah kekelakiannya atau tinggi keperempuannya dalam kehidupan seharian.
- ii) Lelaki homoseksual akan menunjukkan perubahan ketara terhadap kekelakiannya atau keperempuannya dalam pergaulan dan kehidupan seharian.
- iii) Lelaki homoseksual dikatakan lebih tinggi fantasi erotiknya kepada sesama jantina berbanding kepada berlainan jantina sebagaimana heteroseksual.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif yang menemubual secara tidak berstruktur terhadap isu homoseksual. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dengan menemubual golongan profesional dalam kerjaya masing-masing yang diketahui oleh pengkaji bahawa mereka mempunyai maklumat berkenaan isu homoseksual berasaskan kepada pengalaman kerja, pergaulan dan kehidupan seharian. Perakam suara (*voice recorder*) digunakan untuk mengumpulkan maklumat kajian ini. Tema-tema utama telah disenaraikan bagi memudahkan pengkaji membina soalan-soalan berkaitan kajian. Sebanyak lapan (8) orang responden telah dipilih iaitu seramai empat (4) orang lelaki dan empat (4) orang perempuan dari golongan profesional. Mereka terdiri daripada enam (6) orang berbangsa Melayu, seorang (1) berbangsa India serta seorang (1) berbangsa Cina yang berumur antara 29 hingga 53. Jumlah responden ini dikatakan sudah

mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya bagi kajian bersifat kualitatif (Hill et al., 1997). Nama-nama responden dalam kajian ini tidak diumumkan, sebaliknya diberi ganti nama Responden A, B dan seterusnya untuk menjaga etika penyelidikan subjek kajian mestilah dilindungi bagi mengelakkan sebarang gangguan, ancaman dan salah interpretasi terhadap mereka (Cresswell, 2003).

Antara justifikasi yang ditetapkan ialah responden terdiri daripada golongan profesional sama ada dalam badan kerajaan atau swasta, di mana keutamaan diberikan kepada mereka yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes sebegini serta seseorang yang dipercayai dari segi pengetahuan yang ada dalam bidang yang dikaji. Tempat kajian ialah di tiga (3) buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pemilihan ini ialah kerana berdekatan dengan kawasan ibu negara yang merupakan tempat utama gejala sebegini berleluasa kerana pelbagai kemudahan digunakan oleh golongan sebegini dalam mengembangkan budaya tersebut.

Analisis kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan *verbatim* dan menjadikannya transkrip dapatan kajian tersebut berasaskan manual kualitatif analisis (Taylor-Powell & Renner, 2003). Tema dan kod-kod tertentu diberikan kepada semua maklumat berkaitan, serta dianalisis data yang dikumpul berasaskan objektif kajian. Akhirnya dijalankan satu analisis kandungan hasil temubual secara tidak berstruktur itu dalam melihat perspektif mereka terhadap isu ini di Malaysia. Kesemua jawapan itu dicungkil dengan sebaik mungkin berasaskan kepada satu set soalan yang telah dirangka dalam dialog-dialog dengan golongan profesional ini serta diinterpretasikan menggunakan pendekatan naratif untuk penghuraian segala isu yang di kemukakan (Suriati & Colonius, 2008).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian dirumuskan kepada tema-tema dan kod-kod tertentu iaitu pendefinisian hubungan sejenis; ciri-ciri fizikal dan psikologi yang agak sukar untuk dikenal pasti dan subjektif.

Pendefinisian Terhadap Golongan Homoseksual : Hubungan Sejenis

Hampir kesemua responden iaitu seramai lapan (8) orang menyatakan dengan tepat, jelas dan menerima persamaan antara satu sama lain. Kefahaman ini meliputi hubungan sesama jenis, hubungan seks, hubungan terlarang dan kecenderungan sesama jantina. Antara kenyataan yang boleh dipetik ialah:

Homoseksual sebenarnya boleh dikatakan sebagai perhubungan antara lelaki dengan lelaki mahupun perempuan dengan perempuan. Hubungan ini tak semestinya melibatkan hubungan seksual, tetapi boleh juga hubungan kepada percintaan antara dua individu sesama jantina..
(Responden H, lelaki, Cina)

Pandangan saya pengertian ini ialah homoseksual hubungan sesama jenis, yang dikaitkan antara lelaki dan lelaki. So, biasanya kedua-dua pasangan ini mempunyai naluri yang sama, dan boleh untuk melakukan hubungan seks atas persetujuan bersama. (Responden A, lelaki, Melayu)

..apa yang saya faham ialah hubungan terlarang antara lelaki dengan lelaki, dan perempuan dengan perempuan dalam masyarakat, di mana masyarakat Malaysia tidak menghormati satu adat ini dan tidak baguslah diamalkan dinegara ini". (Responden G, perempuan, India)

Mengenai pendefinisian ini, jelas menggambarkan bahawa homoseksual ialah apabila kaum lelaki dengan lelaki dan kaum perempuan dengan perempuan menjalinkan hubungan sama ada berbentuk seksualiti atau juga percintaan. Masing-masing dikatakan cenderung sesama jantina dan memenuhi tuntutan sebagaimana yang diperlukan oleh mereka (Lehrman, 2005). Mereka mempunyai kecenderungan gender sesama jenis untuk menjalinkan hubungan intimasi antara mereka. Kajian ini selaras dengan kajian yang menjelaskan olongan homoseksual terutama 'gay' sebagai golongan yang berorientasikan sesama jenis iaitu lelaki dengan lelaki untuk memenuhi tuntutan diri sesama mereka dalam bentuk persamaan minat, percintaan, perasaan kebersamaan dan lebih berbentuk sebagai pasangan suami isteri (Nor Mazlina et al., 2011; Jenkins, 2010; Hughes, 2006; Lehrman; 2005).

Kesukaran Untuk Mengenal pasti

Dalam isu ini, kesemua responden iaitu lapan (8) menyatakan bahawa golongan ini sukar dikesan secara fizikal dan psikologikal. Antara kenyataan yang dipetik ialah ;

Pengalaman kawan saya ni suka menerima dan dia adalah lelaki yang tegap, konflik, dan susah nak faham dia secara mental dan psikologikal dia. Dia berada di sekeliling kita, kita tak tau pun dia pengamal. Satu kes saya hadapi ialah kita tak syak pun dia golongan homoseksual. Tetapi apabila berdamping dengan kita, dia akan cuba untuk meraba, mengusap, pegang tangan kita, cuba goda kita dengan tangan dan akan cuba untuk meraba paha dan raba kemaluan. (Responden B, lelaki, Melayu)

..yang tough tu mungkin jugak homoseksual. Kalau macam gini kita tak nampak saya rasa sangat sukar untuk dikenalpasti, dan kalau tak kenalpasti macam mana nak memperbetulkan mereka ini direct. (Responden D, perempuan, Melayu)

Penjelasan ini menggambarkan mereka merupakan golongan seadanya sebagaimana masyarakat luar. Naluri dan keadaan dalaman mereka yang susah untuk diketahui memerlukan pemahaman yang lebih mendalam apabila berkawan dengan mereka. Persahabatan yang lama akan mewujudkan pendedahan sendiri dalam diri golongan ini, dan bukan berasaskan kepada stereotaip semata-mata. Golongan homoseksual terutama 'gay' sukar untuk dikenal pasti dan dicam secara keseluruhan kerana mereka merupakan sebahagian ahli masyarakat yang boleh jadi sesiapa sahaja tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Golongan lelaki lembut bukanlah boleh dikategorikan sebagai homoseksual secara keseluruhannya, dan tidak semestinya mereka yang lelaki keras itu adalah normal dari segi orientasi seksual. Semua ini adalah bersifat subjektif dan memerlukan satu tinjauan khusus untuk melihat dengan lebih mendalam secara psikologi dalaman diri mereka. Kajian ini selaras dengan Jenkins (2010) dan Lehrman (2005) bahawa mereka ini asalnya golongan sebagaimana orang lain dalam masyarakat dan sukar untuk dikenalpasti bahawa mereka ini adalah golongan homoseksual kerana perwatakan dan gaya hidup berasaskan manusia normal yang lain.

Ciri-ciri Fizikal dan Psikologi

Ciri-ciri fizikal dan psikologi golongan ini tidak dapat mempamerkan seratus peratus mereka adalah golongan homoseksual, dan memerlukan penelitian serta pendedahan sendiri dari pengamalannya. Ini jelas menyatakan golongan homoseksual terutama 'gay' merupakan golongan yang fizikalnya jelas kelihatan sebagai lelaki tulin dan sejati. Cuma, pengesanan terhadap mereka ini agak sukar kerana mereka mungkin berselindung di sebalik dirinya sebagai seorang lelaki yang sebenar. Sama ada mereka adalah golongan 'gay' atau tidak bukanlah boleh dilihat secara mata kasar sebagaimana orang kurang upaya (OKU) yang jelas kelihatan ketidakupayaan mereka berasaskan kriteria-kriteria tertentu. Pengesanan sebegini sukar dinyatakan secara lahiriah untuk membuat penilaian, kerana mungkin penilaian itu tidak tepat, prejudis dan bersalahan sama sekali. Namun, terdapat juga keadaan stereotaip yang menyatakan golongan 'gay' ini merujuk kepada lelaki lembut (transeksual) dan agak teliti dalam pelbagai aspek kehidupannya. Sebanyak empat (4) responden menyatakan ciri-ciri fizikal ini dan kenyataan yang dipetik ialah;

Bagi saya kalau diorang dah nampak gay, fizikal mungkin dia nampak sebagai lelaki yang tulinlah. Cuma yang disebaliknya tu kita tak dapat detect. Sebab kadang-kadang dia menyembunyikan di balik diri mereka tulah. Itu kita tak dapat kesanlah. (Responden G, perempuan, India)

...kalau lelakinya secara stereotaipnyalah u will see the man agak teliti dan rapi, how he take cares of himself. Or he might be golongan dalam "lelaki lembut" dan "soft" dan lebih in touch with his feminine side. That's fizikal lah. Psikologikalnya pula also a man more in touch of feminine side emotionally, easy cry that's more thinglah. Tapi semua ini stereotaipnyalah. Tetapi secara realitinya lelaki jenis apa pun even yang macho

gila sekalipun they are maybe homoseksual. There are out there. (Responden F, perempuan, Melayu)

Okay, saya melihat terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur agak ketara. Nampak ramailah diorang ni sekarang dan biasanya kita boleh nampak cara diorang, tingkah laku, pakaian. Based on my experience, golongan ini biasanya seperti body fit, pemakaian ketat, sometimes nampak smart, so daripada situ kemungkinan besar orang homoseksual. Kadang-kadang ada juga yang lembut, dan ada jugak yang keras seorang lelaki tetapi naluri kita tak dapat baca. (Responden A, lelaki, Melayu)

...ada yang bersubang dan dikaitkan dengan orang gay. Biasanya trademark mereka subang sebelah kiri dan lain daripada yang lain. Pandangan sesama mereka akan target sesama gay bahawa dia adalah gay. Banyak ciri boleh tengok, dan tak semestinya orang lembut tu adalah gay dan mungkin dia ada sejarah dia yang tersendiri.
(Responden A, lelaki, Melayu)

Secara stereotaipnya golongan homoseksual dikaitkan juga dengan golongan transeksual atau lelaki lembut yang lebih teliti, rapi, pandai menjaga diri, nampak keperempuanan, dan mudah beremosi seperti menangis. Kenyataan ini selaras dengan kajian Ekins (1997), Teh (2001), dan Syarifah Rohaniah (2011) yang menjelaskan golongan sebegini sebenarnya mengalami kecelaruan dari segi orientasi seksual sama ada melibatkan faktor keluarga, biologi, persekitaran, media dan sejarah penderaan semasa kecil. Namun, apa yang harus difahami ialah golongan transeksual tidak semestinya homoseksual, dan golongan homoseksual kemungkinan besar boleh jadi kepada sesiapa sahaja termasuk lelaki yang tegap dan sasa (Amran et al., 2011; Syarifah Rohaniah, 2011). Pengukuran sebegini bukanlah pengukuran yang hakiki dan tepat, kerana fizikal sebenarnya bukanlah melambangkan diri seseorang yang sebenar jika tidak mendampingi dan memahami jiwa dengan lebih mendalam berasaskan kefahaman psikologi. Itupun jika golongan ini bersedia untuk berkongsi dan membuat pendedahan sendiri bahawa dirinya adalah seorang homoseksual.

Hakikatnya, golongan homoseksual bukanlah digambarkan dari kalangan lelaki lembut atau transeksual, tetapi boleh juga melibatkan golongan lelaki normal yang secara fizikalnya adalah tegap, sasa, dan kelihatan sebagai lelaki normal sebagaimana lelaki lain. Malah, ada juga yang telah berkahwin dan mempunyai pasangan hidup yang berlainan jantina sebagaimana kebiasaan (Lehrman, 2005). Namun, semua ini bukanlah dikatakan bahawa mereka adalah normal seadanya dan kemungkinan besar mereka juga termasuk dalam golongan homoseksual. Cuma, pendedahan dan pendekatan yang digunakan itu menampakkan secara lahiriah bahawa mereka adalah normal dan heteroseksual berasaskan penetapan sosialisasi masyarakat. Justeru, keadaan fizikal bukanlah boleh

melambangkan seseorang itu seratus peratus, dan pengkajian secara mendalam terhadap sejarah penderaan seksual, keluarga yang mempunyai ahli-ahlinya adalah homoseksual, pelaziman dalam keadaan-keadaan yang menjurus ke arah pembentukan diri sebagai homoseksual dan genetik secara biologinya harus dilaksanakan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, golongan homoseksual merupakan golongan yang mengalami permasalahan psikologi dan mengalami kesongsangan orientasi seksual yang berasaskan kemahuan sesama jantina. Justeru, pendefinisian ini yang meliputi kesukaan kepada sesama jenis menjadi titik tolak kepada kajian dan intervensi rawatan kesejahteraan pada masa akan datang untuk kajian homoseksual. Sama juga dengan ciri-ciri khusus yang dinyatakan seperti secara fizikal dan psikologi, sehingga menjadi kesukaran untuk mengetahui tentang mereka kecuali mengenali mereka ini dengan lebih mendalam. Pendefinisian dan ciri-ciri fizikal dan psikologi ini menguatkan lagi Teori Orientasi Seksual bagi golongan homoseksual yang lebih berarah kepada kecenderungan sesama jantina, dan berkait rapat sama ada rendah tahap kelelakiannya atau tinggi tahap keperempuanannya secara dalaman dalam kehidupan seharian. Kejayaan atau kegagalan dalam kajian ini bukanlah satu ukuran yang besar, kerana penglibatan dan pelaksanaan apa yang dikaji ini akan membuka pelbagai jalan kebaikan kepada golongan ini dan masyarakat. Sokongan dan kekuatan akan menjadi sumber implikasi terhadap kajian ini sebagai satu pelan tindakan rawatan dan pemulihan oleh pihak kerajaan atau bukan kerajaan untuk merangka satu strategi pelan atau modul perubahan yang baik bagi golongan ini selaras dengan kemajuan sesebuah negara.

RUJUKAN

- Acton, H. (2010). I Am What I Am?. *Existential Analysis*. 21(2), 351-364.
- American Psychological Association. (2002). For A Better Understanding Of Sexual Orientation & Homosexuality. (www.apa.org/topics/sexuality/orientation.pdf) .[Di muat turun pada 30 Nov 2011].
- American Psychiatric Association. (2000). *Diagnostic And Statistical Manual of Mental Disorders-4th Edition*. Washington: American Psychiatric Association.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoo, & Khadijah Alavi. (2011). Transeksualiti: Perspektif Islam dan Keluarga Dalam Konteks Kesejahteraan Sosial. *Kertas Kerja Pembentangan di Persidangan Kaunseling Antarabangsa PERKAMA di Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur tahun 2011*.
- Amran Hassan & Suriati Ghazali. (2013). Sexual Abuse and Childhood Traumatic Experience: A Case Study On The Psychological Health Of Transsexuals In Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*. 1(1), 33-42.

- Azizi Yahaya dan Jamaludin Ramli. (2007). *Psikologi Abnormal*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ekins, R. (1997). *Male Femaling A Grounded Theory Approach To Cross-dressing And Sex-changing*. London : Routledge.
- Friedman, R.C. (1998). Homosexuality. *Juornal of Psychological Association*. 69-79.
- Harian Metro (2011). Pujuk Gay Melayu. 22 November 2011. Mohd Jamilul Anbia Md Denin. (www.hmetro.com.my/articles/PujukgayMelayu/Article/art_print) [Di muat turun pada 22 Nov 2011].
- Harian Metro (2011). Jauhi Gejala Kehancuran. 22 November. Mohamad Sofee Razak. (www.hmetro.com.my/articles/Jauhigejalakehancuran/Article/art_print) [Di muat turun pada 22 Nov 2011].
- Hughes, J.R. (2006). A General Review of recent Reports on Homosexuality and Lesbian. *Sexual Disability*. 24 , 195-205.
- Hill, C.E., Thompson, B.J., & William, E.N. (1997). A Guide To Conducting Consensus Qualitative Research. *The Counseling Psychologist*. 25, 517-572.
- Jenkins, W.J. (2010). Can Anyone Tell Me hy I'm Gay? What Research Suggests Regarding The Origins of Sexual Orientation. *North American Journal of Psychology*. 12, 279-296.
- Lehrman, N.S. (2005). Homosexuality: Some Neglected Considerations. *Journal of American Physicians and Surgeons*. 10, 80-82.
- Meriam Omar Din. (2000). Kajian Kes Kaunseling Seksualiti: Masalah Seorang Dewasa Transeksual. *Jurnal PERKAMA*. 8, 153-174.
- McBee, S.M., & Rogers, J.R. (1994). Identifying Risk Factors for Gay and Lesbian Suicidal Behavior: Implications for Mental Health Counselors. *Journal of Mental Health Counseling*. 143-155.
- Morrow, S.L. (2007). Qualitative Research in Counseling Psychology : Conceptual Foundations. *The Counseling Psychologist*. 35, 209-235.
- Muhammad Zafeeruddin. (2004). *Bahaya Homoseks Liwat*. Klang: Klang Book Centre.
- Nor Mazlina Ghazali, Edris Aden, & Cheong Chee Leong. (2011). Gay Disclosure: Consequencies and Coping Strategies. *Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS tahun 2011*.

- Rezki Perdani Sawai, Dini Farhana Baharudin, Joki Perdani Sawai & Thee Chin Choon. (2011). Sikap Terhadap Golongan Homoseksual (Gay dan Lesbian) Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Silang Budaya, di UNIMAS 2011*.
- Roseliza Murni Ab. Rahman. (2003). Kecelaruhan Identiti Jantina: Perspektif Psikososial dan Biologi. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia, 19*: 41-57.
- Storms, M.D. (1980). Theories of Sexual Orientation. *Journal of Personality and Social Psychology, 35*, 783-792.
- Suriati Ghazali & Colonius Antang. (2006). Pencarian Dan Penafsiran Maklumat Kualitatif Dalam Penyelidikan Geografi: Pengalaman Daripada Kajian Kesejahteraan Ketua Keluarga Wanita. *Jurnal Manusia dan Masyarakat, Jilid 16*, 156-179.
- Syarifah Rohaniah Syed Mahmood. (2011). Effeminacy Among Male University Students of Malaysia: What Are The Underlying Contributing Factors. *Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS 2011*.
- Syarifah Munirah bt Timmiati. (2008). Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA. (www.fp.uthm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdferp/SHARIFAH_MUNIRAHHP0402DR008TTP.pdf). [Di muat turun pada 12 Jun 2011].
- Teh, Yik Koon. (2001). Mak Nyahs (Male Transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on Their Identity. *The International Journal of Transgenderism, 5*(3) July-Sept 2001.
- Tyler-Power, E., & Renner, M. (2003). Analyzing Qualitative Data. (www.sedl.org/pembs/fam95/279.html) [Di muat turun pada 22 Okt 2011]
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema Mak Nyah: Suatu ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2010). *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Bangi : Darul Syakir Enterprise.

Amran Hassan
School of Psychology and Human Development
Faculty of Social Science and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Email: amraning@gmail.com